Chan Wey Siong lwn Ketua Inspektor Sjafrin Oktridal bin Sjofjan & Satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S7–21–147 TAHUN 1996
MOHTARUDIN BAKI PK
10 FEBRUARI 2004

Tort — Ganti rugi — Penaksiran — Ganti rugi teladan — Sama ada dapat bukti kerugian

Tort — Liabiliti vikarius — Liabiliti kerajaan — Sama ada kerajaan Malaysia bertanggungan secara vikarius

Tort — Penahanan salah — Pegawai polis — Sama ada niat jahat wujud — Sama ada tahanan sah di sisi undang-undang

Plaintif bersama ayahnya menjalankan perniagaan membaik pulih kereta-kereta. Seorang pemandu teksi telah terlibat dalam sebuah kemalangan. Teksi beliau ditarik oleh plaintif ke wokshopnya. Apabila pemandu teksi itu keluar dari hospital beliau ke wokshop untuk mengambil teksi tersebut tetapi beliau diminta membayar RM450. Beliau juga mendapati alat perakam/radio teksi telah hilang. Seterusnya beliau membuat beberapa laporan polis. Defendan pertama adalah seorang pegawai penyiasat dan beliau yang menyiasat kejadian yang dilaporkan. Berikutan dengan laporan dan siasatan, beliau menahan plaintif. Plaintif mendakwa bahawa penahanannya salah dan tidak sah di sisi undang-undang serta defendan berbuat demikian dengan niat jahat. Defendan kedua pula didakwa bertanggungjawab secara vikarius. Plaintif juga menuntut untuk ganti rugi teladan.

Diputuskan, menolak permohonan:

(1) Kuasa polis untuk menangkap tanpa waran dinyatakan di bawah s 23 Kanun Acara Jenayah. Apa yang diperlukan ialah 'rasa syak yang munasabah (a reasonable suspicion) hadir apabila seseorang ditahan untuk kesalahan boleh tangkap.' Dari penemuan fakta-fakta adalah jelas defendan pertama mempunyai 'reasonable suspicion' terhadap plaintif. Apabila SP2 dan SP3 ditangkap, plaintif telah menghilangkan diri (lihat perenggan 16 dan 18).

(2) Defendan pertama boleh menangkap plaintif dengan menggarinya atas kesalahan menghalang pekhidmat awam dari menjalankan kewajipannya (obstructing a public servant in carrying out a public duty) yang merupakan kesalahan 'seizable' di bawah Kanun Keseksaan. Defendan pertama jika berniat jahat boleh memohon sambungan tahanan reman tetapi tidak berbuat demikian. Dari laporan-laporan polis plaintif terhadap defendan pertama, adalah jelas plaintif menyimpan rasa tidak puas hati (enmity) terhadap defendan. Didapati tangkapan plaintif adalah sah di sisi undang-undang (lihat perenggan 19 dan 20).

(3) Tidak ada keterangan ataupun hujah-hujah bahawa tahanan reman adalah tidak mengikut prosedur atau salah di sisi undang-undang. Tanpa

keterangan, diputuskan bahawa tahanan terhadap plaintif adalah sah di sisi undang-undang (lihat perenggan 23 dan 24).

(4) Isu bertanggungjawab secara vikarius telah dipersetujui oleh defendan pertama bahawa defendan kedua bertanggungan jika defendan pertama didapati menangkap dan menahan plaintif secara salah di sisi undang-undang (lihat perenggan 30).

(5) Tidak ada keterangan membuktikan kerugian yang dialami oleh plaintif. Plaintif tidak boleh menuntut bahawa dia mengalami kerugian dan menuntut pampasan. Plaintif masih terikat dengan prinsip asas supaya membuktikan kerugian yang dialami. Didapati plaintif gagal membuktikan bahawa mengalami apa-apa kerugian (lihat perenggan 32, 35 dan 37).

[**English translation**

The plaintiff together with his father runs a car workshop repairing cars. A taxi driver was involved in a car accident and his car was towed to the plaintiff's workshop. When the taxi driver recovered, he went to the plaintiff's workshop to claim his car but was requested to pay a sum of RM450. The taxi diver had also noticed that his radio was missing. Therefore he made several polis reports. The first defendant was the investigating officer and he investigated the incident. Based on the report and the investigation, he arrested the plaintiff. The plaintiff claims that there is false imprisonment and the defendant's act was *mala fide*. The second defendant is being sued for vicarious liability. The defendant is also seeking exemplary damages from the defendants.

Held, dismissing the claim:

(1) Police powers to arrest without a warrant of arrest is provided under s 23 of the Criminal Procedure Code. When a person is arrested for a seizable offence, a reasonable suspicion should exist. Based on the facts it is clear that the first defendant has reasonable suspicion against the plaintiff. When SP2 and SP3 were arrested, plaintiff had disappeared (see paras 16 and 18).

(2) The first defendant could arrest the plaintiff by handcuffing him if the plaintiff had obstructed the defendant from carrying out his public duty which is a seizable offence as provided by the Criminal Procedure Code. The first defendant could have extended the remand period if there was *mala fide* but did not do so. It was clear based on the police reports by the plaintiff against the defendant that the plaintiff was dissatisfied and possessed enmity feelings towards the defendant. The arrest was lawful (see paras 19 and 20).

(3) There are no evidence or arguments to show that the remand period was not in accordance to the procedure or unlawful. In absence of such evidence it was held that the plaintiff's arrest was lawful (see paras 23 and 24).

(4) The issue on vicarious liability was agreed by the first defendant if he is responsible for false imprisonment, the second defendant will also be liable (see para 30).

(5) There is no evidence to prove the loss suffered by the plaintiff. The plaintiff could not claim that he suffered a loss and entitled to compensation. However, the plaintiff was still bound by the basic principles to prove loss suffered. The plaintiff failed to establish that he suffered any loss (see paras 32, 35 and 37).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai liabiliti kerajaan, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan-perenggan 1530–1539.
Untuk kes-kes mengenai pegawai polis, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 1576.
Untuk kes-kes mengenai penaksiran ganti rugi, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 140–145.

Kes-kes yang dirujuk

Government of Malaysia & Ors v Jumat Mahmud & Anor [1977] 2 MLJ 103 (dirujuk)
Hashim bin Saud v Yahaya bin Hasim & Anor [1977] 1 MLJ 259 (dirujuk)
Roberts v Chief Constable of the Cheshire Constabulary [1999] 2 All ER 326 (dirujuk)
Shaaban & Ors v Choong Fook Kam & Anor [1969] 2 MLJ 219 (dirujuk)
Thompson v Commissioner of Police for the Metropolis [1997] 2 All ER 762 (dirujuk)
Wagon Mound, The [1961] AC 388 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Acara Jenayah ss 23, 112, 117
Kanun Keseksaan

Gobind Singh Deo (Karpal Singh & Co) bagi pihak plaintif.
Norliza bte Zulkifli (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan pertama dan kedua.

Mohtarudin Baki PK:

[1] Rayuan oleh plaintif terhadap keputusan mahkamah menolak tuntutan plaintif dengan kos.

[2] Isu yang perlu dibicarakan:

1 Sama ada tangkapan terhadap plaintif pada 25 Februari 1996 adalah salah di sisi undang-undang.

2 Sama ada tahanan terhadap plaintif dari 25 Februari 1996 sehingga petang 27 Februari 1996 adalah salah di sisi undang-undang.

3 Sama ada defendan kedua adalah bertanggungjawab secara vikarius untuk perkara di perenggan (1) dan (2) di sini.

4 Sama ada plaintif berhak kepada ganti rugi teruk dan teladan dalam kes ini.

Fakta kes

[3] SP1 (plaintif) berserta dengan bapanya (SP2) dan adiknya (SP3) menjalankan perniagaan membaik pulih kereta-kereta, Soon Hin Motor Workshop.

[4] Pada 30 Ogos 1995, SD3 memandu teksi dan terlibat dalam kemalangan jalan raya. SD3 mendapat cedera dan dimasukkan ke hospital. SP2 telah menarik teksi itu balik ke woksyop beliau. Mengikut SP2, beliau berbuat demikian atas arahan seorang Sarjan Polis, tetapi Sarjan tersebut tidak dipanggil sebagai saksi pihak plaintif.

[5] Apabila SD3 keluar dari hospital, beliau diberitahu teksi beliau berada di woksyop SP2. SD3 telah pergi untuk mengambil teksi tersebut tetapi beliau diminta membayar upah tarik dan simpan teksi tersebut lebih kurang RM450. SD3 tidak berpuas hati dengan bayaran yang tinggi tersebut dan penarikan teksi dibuat tanpa izin atau kebenarannya. Kemudian SD3 telah mendapati alat perakam/radio teksi beliau telah hilang. Beberapa laporan polis telah dibuat oleh SD3 mengenai perkara ini.

[6] Atas laporan polis SD3 (eksh D16), defendan pertama telah dilantik sebagai pegawai penyiasat. Defendan pertama telah pergi ke woksyop SP2 dan mendapati teksi tersebut telah dirantai kepada sebuah lori yang terletak bersebelahan. Apabila defendan pertama ingin membawa keluar teksi tersebut, beliau telah dihalang oleh plaintif. Plaintif telah meletakkan kereta beliau dipintu masuk/keluar woksyop tersebut, malah mengikut laporan polis plaintif sendiri. Plaintif telah mengambil gambar-gambar kejadian tersebut.

[7] Untuk ini, defendan pertama telah meminta plaintif untuk datang kebalai polis. Plaintif telah pergi ke balai polis dan percakapan (statements) telah diambil di bawah s 112 Kanun Acara Jenayah.

[8] Selepas kejadian ini, defendan pertama telah membuat laporan polis (eksh D12), manakala plaintif telah membuat laporan polis (eksh P3).

[9] Susulan dari laporan polis SD3 (eksh D13), SP2 dan SP3 (bapa dan adik kepada plaintif) telah ditangkap pada 19 September 1995 tetapi plaintif menurut defendan pertama tidak dapat ditangkap kerana melarikan diri.

[10] Pada 25 Februari 1996, apabila plaintif berada di kawasan balai polis, dia telah ditangkap. Terdapat dua versi bagaimana plaintif ditangkap. Mengikut versi plaintif, dia ditangkap oleh defendan pertama. Manakala mengikut versi defendan, plaintif telah ditangkap oleh SD2 iaitu Det L/Kpl Matius bin Tukad atas arahan defendan pertama.

[11] Peguam plaintif telah berhujah secara panjang lebar tentang tangkapan dan peguam defendan menjawab tentang tangkapan tersebut.

[12] Persoalannya sekarang bukan bagaimana tangkapan itu dibuat tetapi adakah tangkapan itu salah di sisi undang-undang. Adalah diakui oleh kedua-dua pihak bahawa tangkapan telah dibuat oleh atau atas arahan defendan pertama.

[13] Kes plaintif adalah berasaskan kepada siasatan defendan pertama bermotifkan sakit hati kerana plaintif telah membuat beberapa laporan polis terhadap defendan pertama. Untuk ini, peguam plaintif telah menyoal balas secara panjang lebar tentang siasatan defendan pertama terhadap plaintif yang akhirnya berakhir dengan tangkapan sebagai cara membalas dendam terhadap plaintif.

[14] Bagaimana cara siasatan dijalankan oleh defendan pertama bukanlah untuk mahkamah mempersoalkannya kerana kertas siasatan adalah 'privilege' yang tidak boleh dikemukakan di mahkamah; tetapi mahkamah boleh meneliti sama ada niat jahat (mala fide) wujud atau tidak di dalam siasatan tersebut yang menjurus kepada tangkapan terhadap plaintif. Untuk itu, mahkamah perlu meneliti fakta-fakta siasatan defendan pertama.

[15] Dari keterangan, penemuan fakta adalah seperti berikut:

(i) Pada 12 September 1995, SD3 membuat laporan polis (eksh D16). defendan pertama mula membuat siasatan polis.

(ii) Pada 14 September 1995, SD3 membuat laporan polis — Labis Report 1142/9 (eksh D9). Menyatakan beliau (SD3) ingin mengambil teksi beliau dari Soon Hin Motor Workshop.

(iii) Pada 15 September 1995, SD3 membuat laporan polis — Labis Repot 1146/95 (eksh D10) menyatakan bahawa beliau tidak dibenarkan mengambil teksi kecuali perlu membayar terlebih dahulu upah tarik dan menyimpan. SD3 tidak berpuas hati kerana Soon Hin Motor Workshop bukan sahaja menarik teksi beliau tanpa kebenaran malah mengenakan upah yang mahal.

(iv) Pada 15 September 1995, defendan pertama membuat laporan polis — Labis Repot 1147/95 (eksh D12) menyatakan beliau ingin selesaikan perbalahan antara SD3 dengan Soon Hin Motor Workshop tetapi Soon Hin Motor Workshop enggan serahkan motor teksi SD3 malah teksi tersebut dirantai kepada sebuah lori bersebelahan dan plaintif menghalang beliau dengan meletakkan kereta beliau di pintu keluar/masuk woksyop tersebut.

(v) Pada 15 September 1995, SD3 membuat laporan polis — Labis Repot 1148/95 (eksh D11) menyatakan Soon Hin Motor Workshop hanya akan lepaskan teksi beliau jika RM450 dibayar.

(vi) Pada 16 September 1995, plaintif membuat laporan polis — Labis Report 1151/95 (eksh P3) menyatakan defendan pertama cuba ambil teksi. Plaintif ada ambil gambar. Plaintif menghalang defendan pertama dengan menyekat pintu keluar/masuk woksyop. Plaintif dibawa ke balai polis.

(vii) Pada 19 September 1995, SD3 membuat laporan polis — Labis Repot 1169/95 (eksh D13) menyatakan kehilangan radio/alat perakam teksi beliau.

(viii) Pada 19 September 1995, laporan polis oleh SD3 — Labis Repot 1170/95 (eksh D17) menyatakan beliau telah membayar RM450 kepada Soon Hin Motor Workshop tetapi resit dijanjikan di sebelah petang.

(ix) Pada 19 September 1995, laporan polis oleh Insp Rusli — Labis Repot 1171/95 menyatakan beliau telah menangkap SP2 dan SP3 (bapa dan adik plaintif). Defendan pertama telah diberitahu tentang tangkapan. Defendan pertama beri arahan supaya SP2 dan SP3 ditahan di dalam lokap.

(x) Pada 21 September 1995, laporan polis oleh defendan pertama — Labis Report 1180/95 (eksh D18) menyatakan beliau telah menggeledah Soon Hin Motor Workshop untuk mencari barang kes tetapi tidak dijumpai.

(xi) Pada 3 Oktober 1995, plaintif membuat laporan polis — Labis Repot 1221/95 menyatakan beliau khuatir defendan pertama akan menganiayai beliau dan perniagaan keluarga beliau.

(xii) Pada 25 Februari 1996, Det L/Kpl Matius Tukad (SD2) membuat laporan polis — Labis Repot 222/96 menyatakan beliau telah menangkap plaintif di hadapan Balai Polis Labis.

(xiii) Pada 26 Februari 1996, defendan pertama memohon perintah tahanan reman terhadap plaintif (eksh D7) menyatakan atas kesalahan apa plaintif ditangkap dan untuk apa perlunya tahanan reman. Permohonan untuk tujuh hari tetapi hanya dibenarkan untuk tiga hari sahaja iaitu dari 26 Februari 1996 hingga 28 Februari 1996.

(xiv) Pada 27 Februari 1996, defendan pertama memohon supaya plaintif dibebaskan (eksh D8) walaupun perintah reman diberi sehingga 28 Februari 1996.

(xv) Pada 29 Februari 1996, plaintif membuat laporan polis — Labis Repot 238/96 (eksh P6) menyatakan beliau takut dianiaya defendan pertama.

Isu pertama: Sama ada penangkapan terhadap plaintif pada 25 Februari 1996 adalah sah/tidak sah.

[16] Kuasa polis untuk menangkap tanpa waran dinyatakan di bawah s 23 Kanun Acara Jenayah. Apa yang perlu ialah 'a reasonable suspicion exist of his having been concerned in a seizable offence'.

'Reasonable Suspicion'

[17] Di dalam kes *Shaaban & Ors v Choong Fook Kam & Anor* [1969] 2 MLJ 219 (at p 221):

> ... it is unnecessary for the police to show that there was a prima facie proof of such offence.
>
> Suspicion in its ordinary meaning is a state of conjecture or surmise where proof is lacking.

Suspicion can take into account matters that would not be put in evidence at all. Suspicion can take into account also matters which, though admissible, would not form part of prima facie case.

[18] Dari penemuan fakta-fakta adalah jelas defendan pertama mempunyai 'reasonable suspicion' terhadap plaintif. Apabila SP2 dan SP3 ditangkap, plaintif telah menghilangkan diri.

[19] Peguam plaintif berhujah bahawa defendan pertama berniat jahat untuk membalas dendam terhadap plaintif berdasarkan kepada laporan polis plaintif terhadap defendan pertama. Jika benar defendan pertama berniat jahat, beliau mempunyai banyak peluang untuk menahan plaintif terutamanya apabila plaintif menyekat defendan pertama dengan kereta dipintu keluar/masuk wokshop, plaintif mengambil gambar-gambar perlakuan defendan pertama serta teksi tersebut dirantai. Semua fakta ini seolah-olah mencabar defendan pertama. Defendan pertama tidak menangkap plaintif ketika itu, beliau hanya mengambil kad pengenalan plaintif dan minta dia datang ke balai polis. Setelah percakapan (statement) plaintif diambil, plaintif telah dibenarkan pulang. Defendan pertama boleh menangkap dengan menggari plaintif atas kesalahan 'obstructing a public servant in carrying out public duty' merupakan kesalahan 'seizable' di bawah Kanun Keseksaan. Kedua, defendan pertama telah mendapat perintah tahanan reman dari 26 Februari 1996 sehingga 28 Februari 1996 tetapi defendan pertama sendiri membuat permohonan kepada majistret untuk melepaskan plaintif pada 27 Februari 1996, sehari sebelum tamat perintah reman. Defendan pertama jika berniat jahat boleh memohon sambungan tahanan reman tetapi tidak berbuat demikian.

[20] Jika dilihat dari laporan-laporan polis plaintif terhadap defendan pertama, adalah jelas plaintif menyimpan rasa tidak puas hati (enmity) terhadap defendan. Lepas satu laporan polis diikuti dengan laporan-laporan yang lain. Bukan setakat itu sahaja, plaintif telah mengarahkan peguamnya untuk menulis surat kepada Ketua Polis Negara pada 9 Oktober 1995 dan 5 Mac 1996 (eksh P4 dan P5) meminta tindakan diambil terhadap defendan pertama. Ini jelas menunjukkan sikap 'enmity' plaintif terhadap defendan pertama.

[21] Jika dilihat laporan-laporan polis yang dibuat oleh pemandu teksi (SD3):

1 Pada 12 September 1995 — eksh D16.

2 Pada 14 September 1995 — eksh D9.

3 Pada 15 September 1995 — eksh D10.

4 Pada 15 September 1995 — eksh D11.

5 Pada 19 September 1995 — eksh D13.

6 Pada 19 September 1996 — eksh D17.

[22] Adalah jelas menunjukkan rasa tidak puas hati SD3 terhadap Soon Hin Motor Workshop kerana menarik teksi beliau tanpa izin, kemudian

dikenakan bayaran/upah yang mahal, selepas itu alat radio/perakam di dalam teksi didapati hilang. Keterangan SD3 tidak disoal balas oleh peguam plaintif bererti semua fakta-fakta di dalam keterangan beliau adalah diterima.

[23] Tidak ada soalan balas sama ada SD3 disuruh oleh defendan pertama membuat laporan-laporan polis tersebut. Ini bererti tindakan defendan pertama semata-mata atas dasar laporan-laporan polis SD3.

[24] Tanpa keterangan lain, saya memutuskan di atas imbangan kebarangkalian bahawa tangkapan terhadap plaintif adalah sah di sisi undang-undang.

Isu kedua: Sama ada tahanan plaintif dari 25 Februari 1996 sehingga 27Februari 1996 adalah salah di sisi undang-undang.

[25] Tahanan reman yang dikeluarkan oleh Majistret Kelas Kedua dari 25Februari 1996 sehingga 28 Februari 1996. Permohonan dibuat oleh defendan pertama melalui eksh D7 di bawah s 117 Kanun Acara Jenayah.

[26] Peguam plaintif lebih menekankan kepada kes mereka terhadap isu pertama iaitu tangkapan terhadap plaintif pada 25 Februari 1996 adalah salah di sisi undang-undang. Tangkapan salah akan membawa akibat tahanan salah.

[27] Jika dilihat dari diari permohonan tahanan reman (eksh D7) adalah jelas defendan pertama menyatakan tentang laporan polis SD3 tentang kehilangan alat radio/perakam teksi (eksh D13). Ianya juga menyebut tentang tangkapan terhadap plaintif dan alasan-alasan kenapa perlu tahanan reman. Permohonan adalah untuk tujuh hari tahanan.

[28] Di atas permohonan ini Majistret Kelas Kedua (Penolong Pegawai Daerah) telah membenarkan permohonan defendan pertama hanya untuk tiga hari sahaja iaitu dari 26 Februari 1996 hingga 28 Februari 1996. Tiada keterangan bahawa plaintif mencabar kuasa majistret tersebut. Di dalam kes *Hashim bin Saud v Yahaya bin Hasim & Anor* [1977] 1 MLJ 259 di ms 262, Harun H menyatakan:

> The purpose of a detention under s 117 CPC therefore is to enable the police to complete investigation. The detention itself is subject to judicial control. The power to detain rest squarely and fully on the magistrate not the police.

[29] Tidak ada keterangan ataupun hujah-hujah bahawa tahanan reman adalah tidak mengikut prosedur dan salah di sisi undang-undang. Tanpa keterangan saya memutuskan bahawa tahanan terhadap plaintif dari 25Februari 1996 sehingga 27 Februari 1996 adalah sah di sisi undang-undang.

Isu ketiga: Sama ada defendan kedua iaitu Kerajaan Malaysia bertanggungan secara vikarius.

[30] Isu ini telah dipersetujui oleh defendan bahawa defendan kedua bertanggungan jika defendan pertama didapati menangkap dan menahan

plaintif secara salah di sisi undang-undang dari 25 Februari 1996 sehingga 27 Februari 1996.

Isu keempat: Sama ada plaintif berhak kepada ganti rugi teruk dan teladan di dalam kes ini.

[31] Tuntutan plaintif adalah berdasarkan tort. Adalah menjadi undang-undang 'trite' di dalam kes tort bahawa ganti rugi (damages) perlu dibuktikan.

[32] Dari keterangan hanya SP1 iaitu plaintif sendiri menyatakan bahawa dia seorang peniaga dan akibat dari tahanan tersebut beliau merasa malu. Tidak ada keterangan bebas membuktikan kerugian yang dialami.

[33] Di dalam kes *Government of Malaysia & Ors v Jumat bin Mahmud & Anor* [1977] 2 MLJ 103 menerima pakai prinsip *The Wagon Mound* [1961] AC 388: 'The defendant is to be made liable only for the damage a reasonable person could have foreseen.'

[34] Di dalam kes *Roberts v Chief Constable of the Cheshire Constabulary* [1999] 2 All ER 326; di mana Mahkamah Rayuan memutuskan di ms 332:

> It is common that the tort of false imprisonment is actionable per se, that is without special damages. It does not; of course follow that a plaintiff who has falsely imprisoned can recover something more than nominal damages. As a matter of general principle such a plaintiff is entitled to be put into position in which he would have been if the tort had not been committed.

[35] Dengan itu adalah jelas bahawa plaintif gagal membuktikan kerugian yang dialami. plaintif tidak boleh menuntut, 'I have suffered loss and I want this court to compensate me'. Plaintiff masih terikat dengan prinsip asas supaya membuktikan kerugian yang dialami.

[36] Di dalam kes *Thompson v Commissioner of Police for the Metropolis* [1997] 2 All ER 762 diputuskan bahawa '... damages must be compensatory and not punitive ...'

[37] Di atas alasan-alasan di atas, saya memutuskan plaintif gagal membuktikan bahawa beliau telah mengalami apa-apa kerugian.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Jeyanthi Mala